



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
*The National University of Malaysia*

# GARIS PANDUAN PERMOHONAN DANA PENYELENGGARAAN PERALATAN PENYELIDIKAN GUNASAMA UKM

| Disediakan           | Disemak   | Diluluskan   |
|----------------------|---|--|
| Urus Setia           | .....<br>Rohazaini Hasan<br>Ketua Penolong Pendaftar Kanan<br>/ Ketua Jaminan Kualiti | .....<br>Prof. Dr. Ismanizan Ismail<br>Pengarah CRIM |
| Tarikh : 10 Mac 2020 | Tarikh :  | Tarikh :   |

| No. Isu | No. Semakan | Tarikh Kuatkuasa |
|---------|-------------|------------------|
| 01      | 00          | 01 April 2020    |





**Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM)**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN DANA PENYELENGGARAAN  
PERALATAN PENYELIDIKAN GUNASAMA UKM**

## **KANDUNGAN**

| <b>PERKARA</b>                             | <b>Muka surat</b> |
|--|-------------------|
| 1.0 BAHAGIAN 1 : PERMOHONAN                | 4                 |
| 2.0 BAHAGIAN 2 : PENILAIAN                 | 6                 |
| 3.0 BAHAGIAN 3 : PEMAKLUMAN KEPUTUSAN      | 6                 |
| 4.0 BAHAGIAN 4 : PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB | 7                 |
| 5.0 CARTA ALIR                             | 9                 |

## **BAHAGIAN 1: PERMOHONAN**

### **1.1 Pengenalan**

CRIM telah menerima permohonan penyelenggaraan peralatan dari pelbagai F/I/P setiap tahun. Pada tahun 2019, Dana Penyelenggaraan ini telah diperkenalkan untuk memudahkan F/I/P membuat permohonan. Garis Panduan ini dibangunkan supaya permohonan, penilaian serta kelulusan dapat dibuat mengikut syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.

### **1.2 Objektif**

Objektif dana ini adalah untuk membantu F/I/P menyelenggara peralatan penyelidikan universiti agar peralatan ini dapat diguna secara bersama oleh penyelidik dalam dan luar UKM. Dana penyelenggaraan ini juga penting supaya peralatan penyelidikan dapat digunakan untuk jangka masa yang panjang.

Objektif dana ini juga adalah untuk mengembang dan mengukuhkan aktiviti penyelidikan melalui kemudahan instrumentasi penyelidikan yang disediakan. Output daripada dana yang diperuntukkan ini seharusnya menyumbang kepada pencapaian KPI universiti penyelidikan. Selain itu, peruntukan ini juga bertujuan untuk memantapkan sistem Makmal Perkhidmatan Penyelidikan Berpusat bagi menyediakan perkhidmatan berpusat kepada penyelidik-penyelidik baik di dalam mahupun di luar UKM.

### **1.3 Syarat-syarat Permohonan**

Dana ini terbuka kepada semua peralatan penyelidikan di PTJ yang memenuhi kriteria berikut:

- i. Peralatan penyelidikan yang ingin diselenggara adalah peralatan penyelidikan gunasama. Peralatan penyelidikan gunasama ditakrifkan sebagai instrumen yang boleh digunakan oleh penyelidik-penyelidik atau kumpulan penyelidikan dari berbilang fakulti/institut/pusat atau berbilang kluster yang merangkumi

pelbagai latar bidang penyelidikan seperti sains sosial, kejuruteraan, sains dan teknologi serta perubatan. Peralatan gunasama seharusnya boleh dimanfaatkan oleh penyelidik-penyelidik dari sekurang-kurangnya 2 fakulti/institut/pusat atau 2 kluster penyelidikan yang berlainan.

- ii. Peralatan penyelidikan telah didaftarkan sebagai aset dengan Unit Aset UKM – KEW.PA 2.
- iii. Peralatan penyelidikan mempunyai rekod penyelenggaraan KEW.PA 14.
- iv. Peralatan penyelidikan mempunyai buku log penggunaan peralatan. Maklumat yang perlu ada di dalam buku log adalah seperti di LAMPIRAN.
- v. Peralatan penyelidikan yang menjana pendapatan. Dokumen pembuktian yang diperlukan adalah data yang dijana dari Sistem UFAST.
- vi. Peruntukan yang dipohon ini hanya boleh digunakan untuk menyelenggara/membaik pulih kerosakan kecil peralatan. Peruntukan ini tidak boleh digunakan untuk menaik taraf atau khidmat kontrak servis peralatan.
- vii. Semasa permohonan dibuat, peralatan tersebut mestilah sedang rosak atau tidak dapat berfungsi dengan baik.
- viii. Peralatan yang telah dibaik pulih sebelum permohonan diluluskan tidak layak untuk menerima dana ini.
- ix. Peralatan tersebut mestilah dijamin oleh pembekal bahawa boleh berfungsi dengan baik setelah dibaik pulih atau diselenggara.
- x. Bagi peralatan rosak, tempoh jaminan sekurang-kurangnya selama setahun perlu diberi oleh pembekal selepas kerja-kerja baik pulih dilaksanakan.
- xi. Permohonan yang telah diluluskan pada tahun berkenaan tidak layak untuk memohon dalam tempoh tiga tahun.

#### **1.4 Tataracara Permohonan**

- i. Pemohon dikehendaki mengisi **Borang Permohonan Dana Penyelenggaraan Instrumentasi Penyelidikan Gunsama UKM** yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang CRIM di alamat: <http://research.ukm.my>.
- ii. Permohonan mestilah mendapat perakuan daripada F/I/P dan disahkan oleh Dekan/Pengarah masing-masing.

- iii. Permohonan perlu dihantar melalui F/I/P. Permohonan yang dihantar secara individu tidak akan dilayan.
- iv. Permohonan perlu dikemukakan kepada CRIM dalam tempoh yang ditetapkan dan mematuhi jadual kerja yang ditetapkan oleh pihak CRIM.

## **BAHAGIAN 2: PENILAIAN**

### **2.1 Penilaian Permohonan**

- i. Permohonan yang dikemukakan oleh F/I/P kepada CRIM akan diproses dan dinilai oleh JK Penilai Dana Penyelenggaraan yang dilantik oleh CRIM. Penilaian permohonan turut mengambil kira maklumat borang permohonan yang diisi dengan lengkap seperti justifikasi penyelenggaraan dan pembuktian serta dokumen sokongan yang disertakan.
- ii. JK Penilai Dana Penyelenggaraan yang dilantik akan memperakukan peralatan penyelidikan gunasama yang layak diselenggara menggunakan Dana Penyelenggaraan.
- iii. Perakuan daripada JK Penilai Dana Penyelenggaraan akan dimajukan ke Mesyuarat Pengurusan CRIM dan Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan (JKP&P) untuk tujuan kelulusan.
- iv. Permohonan dana penyelenggaraan peralatan yang telah diluluskan oleh JKP&P tidak boleh ditukar dengan peralatan yang lain.
- v. Keputusan JKP&P adalah muktamad.

## **BAHAGIAN 3: PEMAKLUMAN KEPUTUSAN**

### **3.1 Pemakluman Keputusan**

- i. Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon selepas Mesyuarat JKP&P.
- ii. Untuk permohonan yang lulus, surat kelulusan akan dikeluarkan beserta dokumen-dokumen berikut untuk dilengkapkan dan dikembalikan semula

kepada CRIM:

- 1.2.1 Surat Pengakuan Penerimaan Dana Penyelenggaraan Peralatan Penyelidikan Gunasama UKM.
- 1.2.2 Borang Senarai Semak dan Dokumen Perolehan yang diperlukan.

#### **BAHAGIAN 4: PERANAN**

##### **4.1 Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi**

- i. Memaklumkan pelawaan permohonan dana kepada F/I/P.
- ii. Menerima dan memproses permohonan yang dihantar dan dibawa ke sesi penilaian.
- iii. Memaklumkan keputusan penilaian kepada F/I/P.
- iv. Membuat proses perolehan untuk permohonan yang diluluskan.
- v. Membuat pemantauan terhadap laporan penggunaan peralatan secara berkala.

##### **4.2 Jawatankuasa Dana Penyelenggaraan Peralatan Penyelidikan UKM**

- i. Membuat penilaian bagi setiap permohonan yang diterima.
- ii. Memperakukan permohonan yang berjaya untuk dibawa ke Mesyuarat JK Penerbitan dan Penyelidikan.

##### **4.3 Penerima Dana (Fakulti/Institut/Pusat)**

- i. Memastikan penyelenggaraan peralatan penyelidikan yang dibuat tidak melebihi jumlah peruntukan yang diluluskan.
- ii. Mengemukakan kepada CRIM laporan penggunaan peralatan.
- iii. Memastikan peralatan penyelidikan diselenggara dengan baik dan beroperasi sepenuhnya.
- iv. Memastikan bahawa peralatan penyelidikan yang diselenggara dimanfaatkan sebagai peralatan penyelidikan yang boleh digunasama oleh seluruh penyelidik UKM.


- v. Memastikan instrumen yang diselenggara dapat memberikan output yang mampu memberi sumbangan kepada KPI universiti.
- vi. Mengemukakan kepada CRIM laporan penggunaan instrumen mengikut jadual yang telah ditetapkan.
- vii. Laporan tersebut perlu melaporkan status instrumen, rekod penggunaan serta hasil penggunaan instrumen tersebut (cth: bilangan kertas kerja yang dihasilkan yang melibatkan penggunaan instrumen yang dibiaya, jumlah penjana kewangan yang diperolehi dari penggunaan instrumen dsbnya. Format yang lebih terperinci akan ditetapkan oleh pihak CRIM).

#### **4.4 Fakulti/ Institut/ Pusat**

- i. Memastikan bahawa peralatan penyelidikan yang diselenggara dimanfaatkan sebagai peralatan penyelidikan yang boleh digunasama oleh seluruh penyelidik UKM.
- ii. Memastikan instrumen yang diselenggara dapat memberikan output yang mampu memberi sumbangan kepada KPI universiti



**5 CARTA ALIR**





**Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM)**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN DANA PENYELENGGARAAN  
PERALATAN PENYELIDIKAN GUNASAMA UKM**

**-TAMAT-**

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI (CRIM)**

**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**43600 UKM BANGI**

**SELANGOR**

**NO. TEL: 03-89118515/8514/8506**

**NO. FAKS: 03-89118516**

**LAMAN SESAWANG: <http://research.ukm.my>**